



جباتن كحاكين شرعية مليسيا

KETUA PENGARAH/KETUA HAKIM SYARIE
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
Department of Syariah Judiciary Malaysia
Aras 7, Blok C, Kompleks Islam Putrajaya
No. 20, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

PASCA PERBICARAAN

Tel : 603-8870 9300
Faks : 603-8870 9316
Portal Rasmi : www.jksm.gov.my
E-mel : mukhyuddin@esyariah.gov.my

Ruj. Kami : JKSM.600-1/2/4 JLD 4 (28)
Takwim : 23 Rabi'ul Akhir 1440H
Tarikh : 31 Disember 2018

Y.A.A. Ketua-Ketua Hakim Syarie,
Mahkamah-mahkamah Syariah Negeri-negeri.

ARAHAN AMALAN NO. 6 TAHUN 2018

Pemakluman Keputusan/Perintah Bagi Kes-kes Rayuan Dan Permohonan Semakan Bagi Kes Yang Telah Diputuskan

Saya ingin menarik perhatian Y.A.A. kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahkan Amalan Mahkamah Syariah Tahun 2018 pada 13 Rabi'ul Awal hingga 15 Rabi'ul Awal 1440H bersamaan 21 November hingga 23 November 2018 di Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) Wilayah Persekutuan Putrajaya telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai arahan amalan berhubung tanggungjawab dan tindakan yang perlu diambil oleh Ketua Pendaftar atau/dan Pendaftar Mahkamah seperti yang berikut:-

- i. mana-mana mahkamah yang mendengar rayuan, Ketua Pendaftar atau/dan Pendaftar Mahkamah berkenaan, hendaklah memaklumkan secara bertulis mana-mana keputusan/perintah kes rayuan itu kepada mahkamah yang keputusannya dirayu dalam masa tujuh (7) hari dari tarikh keputusan/perintah dikeluarkan; dan

SYARIAH ASAS Keadilan



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT.NO: AR 3800

- ii. mana-mana mahkamah yang menjalankan kuasa semakan dan pengawasan, Ketua Pendaftar Mahkamah atau/dan Pendaftar Mahkamah berkenaan, hendaklah memaklumkan secara bertulis mana-mana keputusan/perintah permohonan semakan itu kepada pihak-pihak dan mahkamah yang keputusannya atau prosiding di hadapannya telah disemak dalam masa tujuh (7) hari dari tarikh keputusan/perintah dikeluarkan.

2. Arahan Amalan No. 11 Tahun 2004: Pemakluman Keputusan Kes Rayuan adalah dibatalkan.

Arahan Amalan ini berkuat kuasa serta merta.



(DATO' HAJI MUKHYUDDIN BIN HAJI IBRAHIM)

Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
PUTRAJAYA